

# Dodol ke air mangga

→ Prinsip bekerja keras pada usia muda untuk kesenangan masa depan

Oleh Nas Norziela Nasbah  
nasnorziela@bh.com.my

■ Serdang

**A**lamnya untuk menransformasikan perniagaan dodol pada bulan Ramadan ke satu produk yang boleh diniagakan secara berpanjangan sewaktu mula bergelar pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) akhirnya termakbul dengan perniagaan menjual air mangga hasil usaha sendiri.

Pelajar jurusan Perakaunan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Nazrul Irfanradi Nazarulanuar, kini mampu tersenyum apabila hasratnya yang diluahkan melalui wawancara di Stesen Radio, Entrepreneur FM (Efm) UPM untuk melakukan satu exit strategy kini dibuktikan dengan gerai menjual air mangga itu di sekitar UPM.

Anak jati Selangor itu

mengakui pembabitannya dalam bidang perniagaan bukanlah bermula dari zaman persekolahan seperti rakan lain tetapi masih menunjukkan minat ke arah itu sehingga menyertai program anjuran Pusat Pembangunan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) UPM.

“Banyak ilmu pengetahuan mengenai perniagaan saya pelajari melalui CEM. Apabila menyertai program itu, hati saya terdetik untuk memulakan perniagaan.

“Daripada dodol yang dijual pada musim perayaan, tercetuslah idea untuk mulakan perniagaan minuman dengan membuka satu gerai air minuman yang menjual air mangga seperti *manggo blend* dan *manggo float* di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan.

“Gerai ini saya bangunkan bersama-sama 16 rakan sekuliah, dengan melantik seorang daripada mereka sebagai pengurus iaitu Khadijah Norazaman bagi membantu bahagian pengurusan,” katanya.

## Permintaan tinggi

Ditanya mengapa memilih air mangga, Nazrul Irfanradi percaya bahawa minuman itu mempunyai pasaran luas sekali gus permintaan tinggi bagi warga kampus UPM.

“Saya yakin pasaran dan permintaan air mangga cukup meluas. Saya perlu pastikan kualiti yang dise-

diakan sentiasa sedap dan memenuhi cita rasa pelanggan walaupun mereka terdiri daripada rakan sekuliah atau pensyarah.

“Selain itu, memilih perniagaan minuman adalah mudah berbanding makanan dan sesuai bagi saya yang masih bergelar pelajar universiti,” katanya.

Bagi mereka yang mencuburi bidang perniagaan pastinya tidak lari daripada cabaran sama ada mampu hadapinya atau tidak.

Sama seperti Nazrul Irfanradi, anak kedua daripada tiga orang adik-beradik termasuk kembarnya, perlu bijak menyusun masa agar tidak hilang fokus dalam kedua-dua bidang itu.

“Saya bersyukur kerana mempunyai ibu bapa yang banyak membantu saya daripada segi sokongan selain kembar saya, Nayly Batrisyia, yang juga menuntut di UPM akan membantu jika saya perlukan sebarang bantuan.

“Pembabitan aktif dalam pelbagai bidang tidaklah menyusahkan saya sebaliknya memberi aura positif untuk kekal bertenaga menjalankan aktiviti seperti biasa, baik daripada segi akademik, keusahawanan, kepimpinan dan kesukarelawanan,” katanya.



Nazrul sentiasa memastikan kualiti minuman yang dijual sentiasa menepati citarasa pelanggan



Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman (dua dari kanan) turut merasai air mangga hasil tangan Nazrul.